



SAIFUDDIN (tiga dari kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir (dua dari kiri) menunjukkan produk buatan Malaysia yang dijual di dalam Kedai Mesra Petronas pada Majlis Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia di stesen minyak Petronas Jalan Kolam Air Lama, Ampang.

# Harga petrol RON95 belum muktamad

*Kerajaan masih pertimbang kenaikan satu sen setiap minggu*

Oleh Sri Ayu Kartika  
 Amri  
 kartika@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**erajaan masih belum memuktamadkan ke-naikan harga petrol RON95 sebanyak satu sen setiap minggu seperti yang dilaporkan, baru-baru ini.

Menyatakan hal ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata, pihaknya membincangkan mengenai pelbagai perkara terutama pelaksanaan petrol subsidi bersar-

"Kenaikan harga satu sen ini bukan perkara yang kita muktamadkan lagi, jadi se-

malam (kelmarin), timbalan saya menjawab soalan tambahan, oleh itu dia menyebut mengenai cadangan kenaikan itu.

"Esok dalam mesyuarat jemaah menteri, saya akan memberi maklum balas ini dari semasa ke semasa, jadi apabila dipersetujui jemaah menteri, baru kita membuat pengumuman," katanya selepas pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia di Kedai Mestra Petronas di sini, semalam.

Menurutnya, jika terdapat kenaikan harga petrol, pihaknya perlu melihat apakah kesannya terhadap indeks harga pengguna dan inflasi.

Saifuddin berkata, penentuan asas harga petrol itu



Banyak perkara yang perlu dipertimbangkan untuk menaikkan harga petrol ini dan bagaimana kita boleh mengetahui kesannya"

**Saifuddin**

juga harus mengambil kira beberapa mekanisme antaranya kadar pertukaran mata wang asing dan harga minyak mentah pada masa itu.

"Banyak perkara yang perlu dipertimbangkan untuk menaikkan harga petrol ini dan bagaimana kita bo-

leh mengetahui kesannya. Jadi kita perlu duduk bersama Jabatan Perangkaan dan mereka akan membantu dengan model simulasi," katanya.

Beliau berkata, mengenai subsidi bersasar pula, ia kkal seperti yang diumumkan Oktober lalu.

Sebelum ini, media melaporkan, Timbalan Menteri KPDNHEP, Chong Chieng Jen pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat menyatakan harga petrol RON95 diapungkan dan dinaikkan satu sen setiap minggu sehingga harga (RON95) mencapai harga pasaran.

Katanya, apungan harga RON95 itu dibuat supaya kenaikannya tidak membantah pengguna.